

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 13 DISEMBER 2006, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 28

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1133-L1356  
**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mengkaji dua laporan pendidikan dan pembelajaran UNESCO yang bertajuk Learning to Be (1971); dan Learning Treasure Within (1996) di mana laporan-laporan ini ada memberi penekanan kepada Value Oriented Education, yang tertumpu kepada pembentukan sifat dan prinsip persefahaman sejagat, pembentukan keperibadian, personaliti dan sahsiah diri serta prinsip-prinsip keamanan.
2. PN-1133-L1543  
**Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada harga minyak petrol dan diesel akan dinaikkan lagi pada tahun hadapan.
3. PN-1133-L1548  
**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bagaimanakah dasar pekerjaan negara akan dapat dimantapkan lagi di dalam RMK-9, terutama memandangkan Kerajaan masih belum mempunyai data pekerjaan di Malaysia yang lengkap dan terkini.
4. PN-1133-L1806  
**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengubah dan menjadikan Wilayah Pembangunan Iskandar sebagai Wilayah Persekutuan keempat negara pada masa akan datang serta mampukah ianya bersaing tanpa pembukaan Tambak Johor, jelaskan.
5. PN-1133-L1390  
**Tuan Gooi Hoe Hin** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan program dan langkah yang diambil untuk meningkatkan penggunaan sisa buah tandan kelapa sawit (empty fruit bunch) yang dianggarkan lebih kurang 3 ribu juta metrik tan setahun.

6. PN-1133-L1864  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan kejayaan negara yang terserlah dalam bidang bioteknologi setakat ini.
7. PN-1133-L1526  
**Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah tahap keberkesanan sistem biometrik untuk memastikan kemasukan pendatang asing ke negara kita lebih teratur dan terurus sama ada dari segi keselamatan ataupun sosial dan lain-lain.
8. PN-1133-L1969  
**Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah pihak Kementerian sedar harga ubat-ubatan di pasaran tempatan lebih mahal daripada Harga Rujukan Antarabangsa (IRP) di bawah metodologi Pertubuhan Kesihatan Sedunia. Apakah perancangan Kementerian bagi menyelesaikan masalah ini.
9. PN-1133-L1933  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kenapakah terdapat 69% Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang masih gagal melaksanakan 23 langkah yang digariskan oleh Kementerian untuk mewujudkan 'bandar selamat'. Berapa banyak pula di kalangan PBT yang gagal itu sudah mendapat taraf perbandaran atau bandar raya.
10. PN-1133-L1913  
**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan berapakah jumlah perbelanjaan penambakan pantai di Terengganu sehingga kini dan berapa lamakah ia boleh bertahan kerana di Pantai Timur terlibat dengan musim tengkujuh setiap tahun. Apakah JPS tidak ada cadangan lain kerana kos tambakan melibatkan implikasi kewangan yang besar.
11. PN-1133-L1783  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan perancangan pendidikan untuk masyarakat orang asli di dalam Rancangan Malaysia ke-9 dan sejauh manakah kejayaan perancangan pembangunan pendidikan orang asli di dalam Rancangan Malaysia ke- 8.
12. PN-1133-L1635  
**Tuan Chua Kim Chuan** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menambah enrolmen dalam bidang perubatan, pergigian dan farmasi di IPTA dan IPTS tempatan memandangkan Kerajaan masih menawarkan ramai pelajar ke luar negeri dalam bidang tersebut.

13. PN-1133-L2000  
**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan pelan tindakan dan strategi yang sedang dan akan diambil untuk menentukan tahap keselamatan dalam negeri lebih kukuh dan lebih dipercayai kerana ianya mempunyai implikasi dan impak ke atas pelaburan dan pembangunan.
14. PN-1133-L1846  
**Puan Mumtaz binti Md. Naw** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah ciri-ciri unik Bangsa Malaysia dan apakah usaha-usaha Kementerian dalam mengetengahkan identiti Bangsa Malaysia namun dalam masa yang sama berjaya mengekalkan agama dan budaya masing-masing.
15. PN-1133-L1820  
**Datuk Soon Tian Szu** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan setiap kali tibanya musim perayaan pihak polis mengadakan operasi Ops Sikap yang bertujuan memantau dan mengsifarkan kemalangan. Namun begitu hasilnya kurang berkesan, kemalangan tetap berlaku, nyawa manusia terus diragut, tidakkah polis atau JPJ mempunyai satu perancangan untuk mendidik orang ramai akan tatacara jalan raya yang mungkin lebih berkesan.
16. PN-1133-L1603  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan statistik tentang keberkesanan sistem pembelajaran Matematik dan Sains di dalam Bahasa Inggeris semenjak ia di implementasi beberapa tahun yang lepas. Berikutan dengan bantahan yang dibuat baru-baru ini mengenai implementasi Matematik dan Sains di dalam Bahasa Inggeris bukanlah cara terbaik untuk mempelajari bahasa itu.
17. PN-1133-L1949  
**Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan cadangan menggalas dasar khas mengenai:-
- (a) bayaran pencen terbitan pesara tentera terutama Anggota Lain-lain Pangkat (LLP) yang telah meninggal dunia diberikan kepada isteri yang dikahwini atau anak yang lahir selepas anggota tersebut bersara; dan
  - (b) pembayaran pencen dibayar penuh walaupun pesara telah menerima pencen melebihi 12 1/2 tahun memandangkan umur bekas pesara tentera pada masa tersebut kebanyakannya berumur 52 atau 53 tahun.

18. PN-1133-L1683  
**Puan Siw Chun a/p Eam** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian akan mengkaji semula kaedah kempen anti merokok yang dijalankan bagi menepati golongan sasarannya dengan mengadakan lebih banyak iklan media elektronik, pengiklanan yang agresif di media cetak dan melabelkan amaran bergrafik yang memaparkan kesan negatif merokok dengan mempamerkan gambar kerosakan paru-paru, mulut, otak dan jantung bagi memberi kesedaran kepada perokok mengenai bahayanya tabiat ini.
19. PN-1133-L1574  
**Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd Zabidin** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk meningkatkan penyertaan orang Melayu dan Bumiputra dalam bidang-bidang pertanian komersial.
20. PN-1133-L1988  
**Datuk Chew Vun Ming** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memastikan kejadian tanah runtuh yang melibatkan jalan raya dan kawasan perumahan sehingga mengalami kerugian harta benda dan kehilangan nyawa daripada terus berlaku.
21. PN-1133-L1576  
**Datuk Dr. Lee Chong Meng** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bagaimanakah keberkesanan Projek Pusat Ternakan Ikan Berteknologi Tinggi 'Fish Protech' iaitu pemeliharaan ikan secara tertutup dari Australia dalam usaha Kementerian untuk meningkatkan pendapatan para petani dalam negara kita.
22. PN-1133-L1749  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah benar JAKIM sudah hilang arah dan banyak kelemahan yang harus diakui oleh mereka. Teguran dan kritikan secara terbuka harus diterima, jangan hanya cuba menyatakan pelbagai alasan. Kenapakah JAKIM menghebahkan Islam Hadhari hanya di peringkat konsep, di manakah pelaksanaan yang sebenarnya yang setanding dengan konsep Penerapan Nilai-Nilai Islam sehingga melahirkan Bank, Takaful dan Insurans Islam.
23. PN-1133-L1447  
**Tuan Chiw Tiang Chai** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa gaji anggota polis yang rendah dan kos kehidupan yang tinggi terutama di bandar besar mungkin menggalakkan kegiatan rasuah dalam kalangan mereka dan apakah langkah-langkah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini supaya pengorbanan anggota-anggota PDRM diberi insentif yang sewajarnya.

24. PN-1133-L1434  
**Tuan Munusamy a/l Mareemuthu** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-
- (a) apakah perkembangan belia India dalam bidang latihan kemahiran bagi 2 tahun yang lalu; dan
  - (b) adakah Kementerian memantau kerjaya mereka selepas latihan.
25. PN-1133-L1508  
**Tuan Lee Chee Keong** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan respon dan usaha Kementerian dalam menangani isu yang 92% daripada roti-roti dalam pasaran kita mengandungi lebih asid 'propionic' yang membahayakan kesihatan kita.
26. PN-1133-L1476  
**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah tema dan program-program pelancongan yang bakal diadakan menjelang Tahun Melawat Malaysia 2007.
27. PN-1133-L1533  
**Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pencapaian penglibatan Kerajaan Pusat melalui Syarikat Perumahan Negara di dalam pembangunan rumah-rumah kos rendah, rumah mesra dan lain-lain di Sarawak dan apakah jumlah atau tahap sasaran seterusnya.
28. PN-1133-L1616  
**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana benarnya kenyataan yang menegaskan bahawa berdasarkan perangkaan diperolehi oleh PDRM sebahagian besar jenayah melibatkan pendatang asing di negara kita ini.
29. PN-1133-L1812  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilangan guru baru setiap mata pelajaran yang pasti dilatih setiap tahun dari tahun 2007 hingga 2010 untuk melaksanakan nisbah guru kelas baru untuk sekolah menengah, sekolah kebangsaan, SJK(C) dan SJK(T).
30. PN-1133-L1714  
**Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah strategi Kementerian untuk mempromosikan IPTA ke luar negara dan berapakah jumlah IPTA yang telah mendapat pengiktirafan dunia sebagai World Class University.

31. PN-1133-L1867  
**Puan Mumtaz binti Md. Naw** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah pelan tindakan untuk melaksanakan Dasar Belia Negara yang komprehensif bagi melahirkan belia yang berdaya maju dan berdikari termasuk meningkatkan kemahiran kepimpinan di kalangan belia.
32. PN-1133-L1760  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :-
- (a) apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil ke atas Medan Selera yang dibina oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di beberapa kawasan yang didapati gagal menarik kunjungan orang ramai yang mengakibatkan banyak peniaga mengalami kerugian dan ada yang terpaksa gulung tikar; dan
  - (b) berapa unit gerai Medan Selera yang dibina oleh DBKL yang masih belum lagi beroperasi dan yang belum diserahkan kepada penyewa, dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh DBKL terhadap gerai yang masih belum beroperasi itu.
33. PN-1133-L1597  
**Ir. Hiang A Li** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah strategi Kerajaan di dalam menangani pengangguran di kalangan siswazah yang diguna pakai Kementerian dilihat hanyalah melukut di tepi gantang yang tidak mampu mengatasi masalah sebenar iaitu graduan tidak memenuhi keperluan asas pekerjaan kerana bidang yang diambil tidak relevan kepada sektor tersebut.
34. PN-1133-L1994  
**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah banduan yang masih mengikut hukuman penjara mengikut negeri, jantina dan pecahan mengikut bangsa. Berapakah kos perbelanjaan banduan-banduan tersebut serta strategi baru yang diambil bagi memperkasakan lagi minda dan daya ketahanan banduan apabila mereka kembali semula bersama masyarakat.
35. PN-1133-L1921  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dirancang dan akan dilaksanakan melalui PIP3 untuk memajukan sektor pembuatan. Apakah cabaran sebenarnya kepada sektor pembuatan negara sekarang ini.

36. PN-1133-L1406  
**Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapakah peratus murid-murid kaum India di sekolah menengah yang menerima Basiswa Kecil Persekutuan (BKP) setiap tahun dan apakah langkah-langkah untuk menambahkan bilangan penerima basiswa tersebut kerana kebanyakan mereka adalah dari keluarga berpendapatan rendah.
37. PN-1133-L1380  
**Tuan Gooi Hoe Hin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada telah mengenal pasti undang-undang yang masih tidak selaras dengan Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan dan apa langkah telah diambil supaya undang-undang ini dimansuhkan.
38. PN-1133-L1600  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengurangkan jurang digital di kalangan rakyat terutamanya di kalangan mereka yang pendapatan rendah di luar bandar. Apakah yang akan dilakukan oleh pihak Kementerian bagi memastikan pembangunan infrastruktur ICT dijalankan di luar bandar supaya rakyat di luar bandar juga menikmati manfaat perkembangan ICT di negara ini. Selain rebat melalui cukai, apakah lagi langkah lain yang harus diambil bagi menggalakkan rakyat memiliki komputer kerana kadar pemilikan komputer serta kadar penembusan jalur lebar di negara ini masih rendah.
39. PN-1133-L1339  
**Dato' Sri Empiang Jabu** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah usaha-usaha bagi menggalakkan pelancong untuk berkunjung ke Sarawak sempena 'Visit Malaysia Year 2007' dan berapa juta ringgit telah disediakan bagi negeri Sarawak berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia bagi aktiviti ini.
40. PN-1133-L1959  
**Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk melahirkan pekerja-pekerja mahir dalam mengatasi kekurangan pekerja profesional dan tidak mahir terutama dalam sektor pembinaan, perkhidmatan dan maklumat.
41. PN-1133-L1669  
**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sepanjang 2 tahun lepas adakah pelaburan Tabung Haji merugikan. Jika pelaburan tersebut merugikan apakah bentuk tindakan yang telah dan akan diambil kepada pencadang, penyokong atau pentadbiran yang menguruskan pelaburan tersebut.
42. PN-1133-L1451  
**Tuan Ahmad bin Hussin** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan berhasrat untuk memperbaiki mekanisme untuk menangani bencana alam kepada petani seperti banjir - sebagai contohnya kes banjir baru-baru ini di Kedah dan Perlis adalah disebabkan kecuaiian tidak membuka pintu air.

43. PN-1133-L1653  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah status terkini sungai-sungai di Selangor dan berapakah perbelanjaan yang telah digunakan oleh Kerajaan dalam usaha pembersihan Sungai Klang.
44. PN-1133-L1731  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah syarat-syarat pengambilan tenaga mahir dan tenaga pekerja di kilang-kilang perlu diberi keutamaan kepada rakyat Malaysia. Ini disebabkan kebanjiran tenaga asing di tahap membimbangkan. Apakah rancangan untuk memupuk minat rakyat Malaysia untuk bekerja di kilang-kilang.
45. PN-1133-L1424  
**Tuan Munusamy a/l Mareemuthu** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk memastikan bahawa semua kanak-kanak yang patut bersekolah mendaftarkan diri di sekolah.
46. PN-1133-L1704  
**Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan berkenaan kelantangan suara pembangkang yang mencabar ketuanan bangsa Melayu melalui provokasi media dengan memutarbelitkan isu ASLI di mana pemikir terlibat bukannya orang Melayu.
47. PN-1133-L1497  
**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk memperkasakan OKU dan pelan tindakan menyerapkan mereka ke dalam tenaga kerja, sama ada di sektor swasta mahupun Kerajaan.
48. PN-1133-L1634  
**Tuan Chua Kim Chuan** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk menarik lebih ramai pelancong asing pada Tahun Melawat Malaysia 2007 memandangkan MAS telah mengurangkan beberapa sektor penerbangan antarabangsa dan juga mengenakan tambang tiket yang lebih tinggi berbanding dengan syarikat penerbangan lain.
49. PN-1133-L1475  
**Che Puan Sri Kelana D'raja (Dr) Datin Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan jumlah penjenayah paling dikehendaki oleh Bukit Aman yang telah dikenal pasti dan ditangkap pada 2004, 2005 dan 10 bulan pertama pada tahun 2006.
50. PN-1133-L1900  
**Tuan Tan Bon You** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada sistem pengangkutan awam bagi lembah Klang juga meliputi bandar dan pekan kecil di luar kawasan Lembah Klang kerana kenderaan dari kawasan tersebut juga menuju ke pusat bandar dan menyumbang kepada kesesakan lalu lintas.

51. PN-1133-L1562  
**Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan mengenai langkah-langkah keselamatan awal yang diambil untuk membendung jerebu yang semakin lama semakin menjadi-jadi sehingga menjejaskan kesihatan orang awam.
52. PN-1133-L1652  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bagaimanakah pihak berkuasa tempatan memantau premis-premis perniagaan yang terletak di tepi-tepi sungai yang banyak membuang sisa-sisa buangan terus ke dalam sungai tanpa dirawat.
53. PN-1133-L1813  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan 10 kes utama kesalahan kerosakan alam sekitar yang didapati dalam dua tahun ini dan apakah tindakan dan keputusan bagi kes-kes tersebut.
54. PN-1133-L1881  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah kemalangan dan kemalangan maut yang dicatatkan sepanjang Jalan Merapoh-Gua Musang tersebut dalam tempoh 2003 hingga 2006. Pada pendapat Kementerian, adakah jalan tersebut merbahaya dan perlu dilebarkan.
55. PN-1133-L1797  
**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pencapaian serta jumlah sebenar penglibatan usahawan bumiputera yang mempunyai transaksi perniagaan dengan Syarikat Milik Kerajaan (GLC) sehingga tahun 2005 dan sejauh manakah ianya mampu untuk meningkatkan tahap pegangan ekonomi usahawan bumiputera.
56. PN-1133-L1462  
**Tuan Chiu Tiang Chai** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah strategi jangka panjang Kerajaan untuk mengelakkan daripada berlakunya penerbitan isu-isu berunsur lucah dan melampaui batas serta tidak senonoh oleh media massa seperti yang berlaku baru-baru ini, kerana penguatkuasaan hari ini tidak memberi kesan untuk menyedarkan penerbit terhadap tanggungjawab sosial mereka.
57. PN-1133-L1774  
**Tuan Tay Puay Chuan** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengelakkan peristiwa mutu kerja kontraktor jauh kurang memuaskan berbanding dengan harga kontrak yang ditawarkan seperti yang berlaku di SJK(C) di daerah Muar, Johor baru-baru ini.

58. PN-1133-L2011  
**Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan khususnya berkenaan dengan laporan pemilikan saham bumiputera yang dikeluarkan oleh "ASLI", kenapa dibiarkan pengarah itu lepas dan bebas memandangkan Isu ini suatu fitnah yang maha besar, kenapakah tiada sebarang tindakan diambil kepadanya
59. PN-1133-L1371  
**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab-sebab pengendalian kes-kes dadah sering tertanggung di mahkamah dan akhirnya digugurkan begitu sahaja, dan sama ada perlunya ada suatu mahkamah khusus iaitu Mahkamah Khas Dadah memandangkan dadah sudah menjadi isu yang sangat kritikal.
60. PN-1133-L1519  
**Tuan Lee Chee Keong** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan hasil kajian dan dapatan yang dibuat terhadap Laporan Jawatankuasa Mengkaji, Menyemak dan Membuat Perakuan tentang perkembangan dan hala tuju pendidikan tinggi di Malaysia.
61. PN-1133-L1353  
**Tuan Ismail bin Kasim** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan penurunan kadar had laju sebanyak 10 km/j, tidak langsung memberi kesan positif terhadap kadar kemalangan jalan raya yang semakin meningkat terutamanya di musim-musim perayaan. Apakah Kerajaan ada strategi lain yang lebih baik untuk menangani masalah ini.
62. PN-1133-L1738  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapa banyakkah kes 'Mat Rempit' yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah di seluruh negeri yang telah dikenakan tindakan disiplin oleh pihak sekolah.
63. PN-1133-L2012  
**Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan peranan yang dimainkan oleh Kementerian ini terhadap Universiti-universiti Swasta Bumiputra (IPTS) yang hampir keseluruhannya 'tenat'. Kenapa tidak diwujudkan satu Konsortium IPTS Swasta yang berdaya Maju seperti IPTS Swasta lain.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. (D.R. 32/2006) Rang Undang-undang Perbekalan 2007 – **Menyambung semula Perbahasan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. (12 Disember 2006)**
  
2. (D.R. 24/2006) Rang Undang-undang Taman Asuhan Kanak-kanak (Pindaan) 2006 **Bacaan Kali Yang Kedua**
  
3. PN-1133-U1419  
**Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin** akan mencadangkan:-  
  
"Berdasarkan kepada prinsip rukun negara, maka saya dengan ini ingin mengusulkan supaya setiap kali dewan bersidang sebaik sahaja selesai doa dibacakan, lagu Negaraku dimainkan dan dinyanyikan bersama-sama kerana ianya sesuai dengan slogan kepimpinan melalui teladan. Usul ini juga (dengan izin) Yang Dipertua Dewan Negara dapat dipanjangkan kepada Dewan Rakyat."
  
4. PN-1133-U1942  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-  
  
"Bahawa Dewan ini menyedari masalah kenaikan harga barang seperti minyak, gula, ayam, telur dan lain-lain telah menjadi isu yang menimbulkan keresahan di kalangan pengguna khususnya rakyat berpendapatan rendah. Masalah terus berlaku khususnya di musim-musim perayaan, ditambah dengan sikap para peniaga yang tidak bertanggungjawab kerana mengambil kesempatan terhadap kelemahan penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada. Maka dengan ini Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan supaya diwujudkan segera 'Tribunal Harga' yang berfungsi untuk mengawal, menyelia dan memutuskan perkara-perkara yang berkaitan dengan kenaikan harga barangan. Ini bertujuan kepentingan pengguna terpelihara dan gejala ini tidak berulang saban tahun."

5. PN-1133-U1943

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyedari wujud persepsi negatif terhadap imej polis yang dikaitkan dengan beberapa insiden seperti salah guna kuasa dan penglibatan segelintir anggotanya dalam beberapa kes jenayah. Walau bagaimanapun tidak ada pihak yang boleh menafikan kejayaan dan kecekapan PDRM dalam membanteras jenayah apatah lagi mengawal keselamatan negara, seperti menghapuskan ancaman PKM dan kumpulan ajaran sesat. Maka Dewan ini menyokong pendirian PDRM yang menolak penubuhan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC). Ini kerana akta-akta yang sedia ada seperti akta polis dan sebagainya sudah memadai digunakan untuk meningkatkan disiplin dan imej polis."

6. PN-1133-U1944

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mewujudkan satu Suruhanjaya untuk mengkaji keberkesanan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris. Kajian Suruhanjaya Khas ini hendaklah tertumpu kepada aspek apakah penguasaan Bahasa Inggeris para pelajar meningkat dengan sistem tersebut. Dan apakah kesannya pula kepada prestasi para pelajar dalam mata pelajaran Sains dan Matematik. Dengan adanya Suruhanjaya ini, maka kita tidak perlu menunggu tahun 2008 untuk melihat keberkesanannya. Kerana dikhuatiri jika terlalu lambat mengambil tindakan, maka kesannya adalah lebih parah lagi."

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

<b><u>TAHUN 2006</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.199	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bagi Tahun 2004	13 Disember 2006
ST.232	Laporan Tahunan Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah Bagi Tahun 2005	13 Disember 2006
ST.244	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit)	13 Disember 2006
ST.245	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	13 Disember 2006
ST.246	Akta Audit 1957 Perintah Audit (Faedah Atas Pemberhentian Jawatan Ketua Audit Negara) 2006	13 Disember 2006
CMD.43	Laporan Tahunan Suruhanjaya Pasukan Polis Bagi Tahun 2005	13 Disember 2006